

### Nota Persetujuan Pensyarah

Abd. Khahar Saprani  
Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

Kepada,

---

---

---

Tuan/Puan,

#### **Persetujuan Pensyarah Melibatkan Diri Dalam Kajian**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Saya, Abd. Khahar Saprani adalah seorang pelajar Ijazah Kedoktoran dari Universiti Malaya dan sedang membuat penyelidikan dalam bidang Kurikulum dan Teknologi Pengajaran. Kajian saya bertujuan untuk meneroka proses pengajaran dan pembelajaran komponen TMK dalam kurikulum Pengurusan Sumber, Kursus Perguruan Lepas Ijazah. Kajian ini diharapkan akan dapat memberi penjelasan tentang penggunaan strategi pengajaran di dalam bilik kuliah Program Pendidikan Guru.
3. Dengan ini saya menjemput pihak Tuan/Puan untuk melibatkan diri sebagai peserta dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan pemerhatian di dalam bilik kuliah semasa proses pengajaran dan pembelajaran komponen TMK, sukatan pelajaran Pengurusan Sumber, KPLI. Penglibatan tuan akan dicatatkan dalam bentuk tulisan dan dirakam audio dan visual. Ini akan diikuti dengan temu bual untuk mendapatkan maklum balas yang lebih terperinci tentang pemahaman pensyarah tentang proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Temu bual dengan pensyarah akan dijalankan selepas waktu kuliah atau sejurus selepas pengajaran dan pembelajaran, dan akan dirakamkan. Setiap temu bual akan memakan masa antara 30-40 minit dan akan dilakukan sebanyak antara lima hingga tujuh kali.
4. Bagi tujuan penulisan tesis, maklumat berhubung butir-butir peribadi pensyarah seperti nama sebenar, nama dan alamat maktab akan dirahsiakan.
5. Kerjasama daripada pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

**(ABD. KHAHAR SAPRANI)**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

---

Nama : \_\_\_\_\_

No. KP: \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. HP: \_\_\_\_\_

**Persetujuan Melibatkan Diri Dalam Kajian**

Saya, \_\_\_\_\_ dengan ini bersetuju / tidak bersetuju untuk menyertai kajian yang dijalankan oleh En. Abd. Khahar Bin Saprani.

Tandatangan \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_